

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, REKTOR
KUKUM SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PENDEDHAHAN
INDUSTRI (INDEX 2005) PADA 31HB MAC 2005 BERTEMPAT DI INSTITUT
KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN), KUALA PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERUSAHA PENGERUSI MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA, PROFESOR MADYA ZALIMAN SAULI, PENGARAH PUSAT
KERJASAMA INDUSTRI (CIC) KUKUM,

YOUR MOST WELCOME, MR. ERIKO MOTOYAMA, DIRECTOR OF EXSEDITION
SDN. BHD.

KETUA-KETUA JABATAN DAN DEKAN-DEKAN

PENSYARAH-PENSYARAH, KAKITANGAN PENTADBIRAN

DAN MAHASISWA-MAHASISWI YANG DISAYANGI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH
KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA
BERKUMPUL PADA PAGI INI DI MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
PENDEDHAHAN INDUSTRI ATAU INDEX 2005 UNTUK SISWA-SISWI TAHUN

PERTAMA, KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM).

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA AHLI JAWATANKUASA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM INDEX 2005INI DI ATAS KESUNGGUHAN MENCANAI IDEA, MENYUSUN KERJA DAN SETERUSNYA MENZAHIRKAN UPACARA SEHINGGA TERLANGSUNG SEDIA ADANYA.

SAYA MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KE KUKUM (WELCOME TO KUKUM) KEPADA TETAMU JEMPUTAN KITA IAITU MS ERIKO MOTOYAMA. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN BELIAU MENUNJUKKAN KEPADA KITA BETAPA TINGGINYA KOMITMEN DAN HARAPAN BELIAU UNTUK BERKONGSI PENGALAMAN BELIAU BERSAMA KITA PADA PAGI INI.

BEGITU JUGA PENGHARGAAN SAYA KEPADA SEMUA PENCERAMAH YANG TERLIBAT SEPERTI EN MUHAMMAD HAMIZAN DARIPADA INNOVATION TECHNOLOGY, EN TAHIRUDDIN HAMDAN DARI SILTERRA MALAYSIA SDN BHD, DR YEW CHEE KIANG DARI FLEX-P, MR AL SHAMMUGAN DARI LD TECHNOLOGIES, EN MOHAMAD NAZUIR AHMAD TOEE DAN EN MOHD PARID SULAIMAN DARI INTEL TECHNOLOGY SDN BHD DAN JUGA WAKIL KUKUM IAITU PROF MADYA IR. MOHABATTUL ZAMAN BUKHARI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SEPERTIMANA YANG KITA MAKLUM BAHAWA MATLAMAT DAN FALSAFAH KUKUM ADALAH UNTUK MENGHASILKAN GRADUAN KEJURUTERAAN YANG BERKELAYAKAN DALAM PELBAGAI BIDANG STRATEGIK YANG BERUPAYA MENCARI PENYELESAIAN KEPADA BENTUK MASALAH MENERUSI PEMIKIRAN YANG INOVATIF.

SALAH SATU CARA BAGI UNTUK MEREALISASIKAN MATLAMATINI, PELBAGAI PROGRAM AKADEMIK TELAH DISEDIAKAN OLEH PIHAK KUKUM DI ANTARANYA IALAH PROGRAM PENDEDahan INDUSTRI (INDEX). SETELAH SAYA MENELITI ATURCARA PROGRAM INDEX 2005, SAYA DAPATI PANEL-PANEL PENCERAMAH ADALAH TERDIRI DARIPADA PAKAR-PAKAR DARI PELBAGAI JENIS INDUSTRI. SAYA PERCAYA PELAJAR-PELAJAR YANG MENGHADIRI PROGRAMINI AKAN MENDAPAT SATU PENDEDahan YANG BERKESAN MELALUI AKTIVITI-ATIVITI YANG TELAH DIRANCANGKAN.

SELAIN DARIPADA ITU JUGA, SAYA AMAT BERHARAP HASIL DARIPADA PROGRAM PENDEDahan INDUSTRIINI DAPAT MENCAPAI SALAH SATU OBJEKTIFNYA IAITU DAPAT MEMENUHI SYARAT DAN GARIS PANDUAN YANG DITENTUKAN OLEH ‘**BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA**’ YANG BERKAITAN DENGAN PERLUNYA LAWATAN KE INDUSTRI DAN JUGA AKTIVITI YANG MELIBATKAN PENCERAMAH DARIPADA PAKAR INDUSTRI DIMASUKKAN DI DALAM KANDUNGAN PROGRAM AKADEMIK KUKUM.

ADALAH MENJADI HARAPAN SAYA BAHAWA GRADUAN-GRADUAN KUKUM TIDAK SAHAJA DIPERKENALKAN KEPADA TEORI-TEORI KEJURUTERAAN, MALAH ADALAH PENTING JUGA UNTUK DIPERLENGKAPKAN LAGI DENGAN PENGETAHUAN YANG SEGAR DAN PENGALAMAN ‘SEBENAR’ YANG BOLEH DIPEROLEHI DARIPADA PROGRAM PENDEDahan INDUSTRIINI. OLEH ITU

SAYA AMAT BERHARAP PELAJAR AKAN MENGGUNAKAN PELUANG INI UNTUK MEMPERLENGKAPKAN DIRI DENGAN PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN MELALUI LAWATAN INDUSTRI DAN JUGA TAKLIMAT YANG AKAN DISAMPAIKAN.

SAYA PERCAYA MELALUI PENDEDAHAN INDUSTRI, PELAJAR-PELAJAR TAHUN SATU AKAN DAPAT MEMPERTINGKATKAN KEFAHAMANNYA DAN MENDALAMI KURSUS YANG DICEBURI PADA MASA AKAN DATANG. SEMOGA PROGRAMINI MAMPUN MENYUNTIK SEMANGAT PARA PELAJAR SEMUA UNTUK MENJADI PELAJAR KEJURUTERAAN YANG CEMERLANG DAN JURUTERA YANG BERKALIBER SUATU HARI NANTI.

DENGAN UCAPAN BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA DENGANINI MERASMIKAN PROGRAM PENDEDAHAN INDUSTRI (INDEX) 2005. SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAH HI TAALA WABARAKATUH.